
U B463 DEB
ELIT - MAHATHIR

BALING, 17 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN GOLONGAN ELIT SUPAYA BERHATI-HATI DALAM MEMBUAT SESUATU TINDAKAN UNTUK MENGUASAI KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA BOLEH MEMBERI PANDANGAN DAN MENYAMPAIKAN MEMORANDUM KEPADA KERAJAAN UNTUK DIPERTIMBANGKAN TETAPI JANGANLAH SEKALI-KALI MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI MEWAKILI ORANG RAMAI.

GOLONGAN ITU HENDAKLAH MENGHORMATI SISTEM DEMOKRASI NEGARA INI YANG KERAJAAN DIBENTUK MELALUI PILIHAN RAYA, KATANYA SEMASA MERASMIKAN MINI ESTET DI KAMPUNG SADEK, DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH DALAM PILIHAN RAYA MERUPAKAN ORANG YANG BERHAK MEMBENTUK DAN MENENTUKAN DASAR-DASAR KERAJAAN DAN BUKANNYA GOLONGAN ELIT YANG MEWAKILI SEGOLONGAN KECIL RAKYAT NEGARA INI.

KATANYA, JIKA GOLONGAN ELIT BENAR-BENAR INGIN MENJADI JAGUH RAKYAT, MEREKA HENDAKLAH BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA. -- LAGI 1232MST 17 08 87

0064

U B464 DEB
ELIT - MAHATHIR 2 BALING

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT TIDAK HARUS TERPENGARUH DENGAN PANDANGAN-PANDANGAN CERDIK-PANDAI ITU DAN SEBALIKNYA HENDAKLAH MENYOKONG SISTEM DEMOKRASI YANG BERJALAN SEKARANG, YANG KERAJAAN DIBENTUK MELALUI PILIHAN RAYA UMUM.

KATANYA, MELALUI KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT, BANYAK RANCANGAN PEMBANGUNAN DAPAT DILAKSANAKAN UNTUK FAEDAH MASYARAKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA GOLONGAN CERDIK-PANDAI BOLEH MEMBERI PANDANGAN, FIKIRAN DAN MENGADAKAN SEMINAR SERTA MEMORANDUM KEPADA KERAJAAN UNTUK DIPERTIMBANGKAN TETAPI JANGANLAH MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI PENGGANTI KERAJAAN YANG SAH YANG DIPILIH OLEH RAKYAT MELALUI PILIHAN RAYA.-- BERNAMA 1234MST 17 08 87